



BAHASA BERKUASA MERUNTUHKAN MENARA POLITIK

GEORGE ORWELL, pengarang novel “Nineteen Eighty-Four”, yang diterbitkan pada tahun 1949, terkenal dengan petikan: “jika pemikiran merosakkan bahasa, bahasa juga boleh merosakkan pemikiran”. Novel itu ialah rumusan bagi segala tulisan Orwell. Orwell menulis tentang cara pemimpin mengubah perbendaharaan kata untuk membentuk proses pemikiran massa atau rakyat.

PERKARA ini sesuatu yang ketara dalam kalangan ahli politik. Beliau mengetengahkan pelbagai contoh tentang manipulasi bahasa sebagai senjata untuk mengawal minda dan penyalahgunaan kuasa. Kata-kata Orwell itu bukan sahaja menekankan pentingnya pemikiran dan bahasa, tetapi juga kekuatan dan pengaruh bahasa dari sudut pemikiran manusia.

Dengan memanipulasi bahasa, ahli politik berupaya mempengaruhi pandangan, impian dan mencetuskan

ketakutan dalam kalangan orang ramai sehingga menyebabkan orang menerima pernyataan palsu sebagai satu kenyataan yang benar. Perkara yang diulang berkali-kali akan dianggap betul dan benar, dan akan diterima oleh audiens. Dalam dunia politik, bahasa yang merangkumi istilah, ungkapan dan ucapan dapat dibentuk dan dipertingkatkan agar dapat menarik minat psikologi masyarakat, sekali gus diterjemahkan dalam bentuk undi dan sokongan.

Apakah yang dimaksudkan sebagai bahasa politik? Bahasa politik merupakan cara bahasa dan kata-kata yang digunakan dalam arena politik. Pilihan raya berlaku di seluruh dunia dan penggunaan bahasa memberikan kesan besar terhadap sistem politik. Fenomena bahasa dan retorik dalam politik akan dapat dilihat secara ketara ketika musim pilihan raya.

Terdapat pelbagai tanggapan penggunaan bahasa dalam kalangan ahli politik sejak kebelakangan ini mula

mengalami kemerosotan. Ahli-ahli politik sudah tidak lagi menggunakan bahasa publik atau bahasa awam, sebaliknya menggunakan bahasa retorik semamata-mata, yang hanya mengutamakan kepentingan sendiri dan jangka pendek. Bahasa yang dirancang untuk memberikan kesan persuasif yang mendalam atau mengagumkan, tetapi yang sering dianggap kurang ikhlas atau tiada isi yang bermakna. Penggunaan bahasa masa ini juga menunjukkan kepentingan rakyat dan pengundi sudah tidak menjadi keutamaan ahli politik. Terdapat kajian saintifik di kebanyakan negara mengenai perkara ini. Akan tetapi, pengamatan secara kasar membuktikan kebenaran dalam isu ini. Bukan sahaja di luar negara tetapi dalam negara.

Syamsul Bahri dari Universitas Negeri Medan, Indonesia dalam kajiannya mengetengahkan trend penggunaan bahasa eufemisme yang sudah dianggap lumrah dalam kalangan para elit politik dan birokrat. Malah menurut beliau, penggunaan bahasa eufemisme dalam masyarakat akan dan boleh mengaburkan realiti sosial, malah menyulitkan masyarakat untuk menelusuri peredaran arus informasi. Kata beliau: "Adapun tujuan utama penggunaan bahasa eufemisme ini dalam wacana politik adalah untuk mengkondisikan suatu keadaan masyarakat sehingga memudahkan para elit politik untuk menjalankan agenda mereka". Eufemisme merupakan bahasa politik kalangan birokrat dan elit politik. *Kamus Dewan* pula mendefinisikan eufemisme sebagai "ungkapan yang lebih lembut (sopan dan manis) untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar". Ahli bahasa dari Indonesia, Sutarno membahagikan eufemisme kepada tiga kategori iaitu baik, buruk dan memanipulasi kenyataan.

Pengalaman penulis menunjukkan ahli politik yang tersepit dalam kontroversi ungkapan dan kenyataan sering kali menjadi wartawan atau media sebagai mangsa. Wartawan dan media sering kali dipersalahkan sebagai salah tafsir atau salah petik sehingga mengelirukan audiens. Wartawan menjadi sasaran mudah apabila ahli



Wartawan sering menjadi sasaran parti politik ketika menjelang pilihan raya.

politik hendak terlepas daripada kontroversi dan isu. Keadaan ini bukan sahaja berlaku pada masa lalu, tetapi terus berlaku hingga hari ini.

Dalam membicarakan gaya bahasa politik, satu istilah yang sering diketengahkan dan tidak boleh dipisahkan ialah "ketepatan politik", yang merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk "bahasa yang sepertinya bertujuan untuk mengelakkan kesalahan atau kekurangan". Ketepatan politik bukan sahaja merujuk tingkah laku dan tindakan, tetapi juga gaya penggunaan bahasa oleh pemimpin politik. Konsep ini telah dibahas dan diperhalus oleh pengulas dari seluruh spektrum politik sejak bertahun-tahun lalu hingga hari ini.

Istilah ketepatan politik juga sering digunakan secara menyindir untuk merujuk penggunaan bahasa dapat mengubah persepsi dan kepercayaan masyarakat serta mempengaruhi hasil yang disasarkan. Istilah ini dikatakan pertama kali muncul dalam perbendaharaan kata Marxis-Leninis setelah Revolusi Rusia pada tahun 1917. Walau bagaimanapun, penggunaannya berkembang sehingga digunakan oleh ahli politik liberal untuk merujuk ekstremisme dan sikap melampau dan oleh golongan konservatif untuk menentang kaedah pengajaran sayap kiri liberal di kampus universiti dan kolej di Amerika Syarikat. Selepas itu mulai akhir

tahun 1990-an, penggunaan ketetapan politik digunakan oleh kumpulan pelawak dan lain-lain, iaitu kadang-kadang digunakan untuk menyindir tema politik konservatif. Istilah itu terus mendapat perhatian ahli politik untuk mengelak daripada kontroversi dan mendapat sokongan dalam amalan demokrasi.

Penulis membawa trend penggunaan istilah dalam persekitaran hari ini kerana kebanyakannya cuba mempertahankan tindakan dan ungkapan mereka dari sudut ketepatan politik meskipun mereka sedar bahawa apa-apa yang dilakukan itu bukan sesuatu yang jitu, ikhlas dan tidak mengutamakan kepentingan massa. Hipotesis Sapir-Whorf menjelaskan persekitaran bagaimana kita melihat dunia banyak ditentukan oleh proses pemikiran kita. Oleh sebab hipotesis Sapir-Whorf bersandarkan pada teori bahawa penggunaan bahasa membentuk perspektif kita terhadap dunia, maka orang yang bercakap bahasa yang berbeza mempunyai pandangan dunia yang berbeza. Dengan cara ini, bahasa membentuk realiti kita dan memandu kita cara memikinkan dan bertindak balas terhadap kenyataan yang dibuat oleh pihak lain termasuk ahli politik. Sebagai contohnya, menurut teori Sapir-Whorf, menggunakan bahasa seksis mempromosikan seksisme, manakala penggunaan

bahasa perkauman akan mendorong perkauman.

Setelah berkhidmat sebagai wartawan yang melaporkan secara terus perkembangan berkaitan dengan pilihan raya lebih daripada dua dekad, pada September lalu penulis berpeluang menjadi pemerhati pilihan raya, mewakili Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) semasa Pilihan Raya Negeri Sabah (PRN Sabah) yang dipanggil secara mengejut, 27 bulan selepas Pilihan Raya Umum ke-14. Selain mengikut laporan media, penulis sendiri telah melihat dan mengikut kempen pilihan raya. Penggunaan poster tidaklah banyak berbanding dengan ketika pilihan raya umum yang lalu, tetapi papan iklan kempen yang bersaiz kecil dan raksasa agak ketara. Begitu juga kempen melalui media sosial. Pelbagai istilah dan slogan digunakan untuk memikat pengundi. Ada yang positif dan ada yang kurang menyenangkan. Ada yang kelihatan mengaibkan parti lawan dan serangan peribadi. Sesetengah bahan kempen masuk akal dan boleh diterima, tetapi tidak keterlaluan jika dikatakan sesetengahnya hanya retorik politik semata-mata.

Di Malaysia, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan kod etika pilihan raya dengan jelas menetapkan perkara yang boleh dilakukan dan ditegah dari sudut kandungan bahan kempen, dalam apa-apa juga bentuknya. Menjadi satu kesalahan sekiranya ada bahan kempen yang berbentuk negatif dan kurang sopan. Secara tidak langsung hal ini berkaitan dengan kesantunan bahasa yang digunakan. Semasa PRN Sabah, pihak berkuasa mengambil tindakan menurunkan bahan kempen yang bercanggah dengan peruntukan

Kesopanan dan kesantunan bahasa oleh ahli politik di Malaysia bukan sahaja menjadi perhatian semasa pilihan raya, malah ketika musim bukan pilihan raya termasuk ketika persidangan Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri.

undang-undang. Malah, kenyataan berkaitan yang pencerobohan Lahad Datu, yang menyinggung perasaan juga menjadi perhatian semasa tempoh berkempen. Banyak laporan polis turut dibuat terhadap seseorang calon yang mengeluarkan kenyataan itu. Selain Akta Kesalahan Pilihan Raya Kanun Keseksaan dan Akta Fitnah juga boleh terpakai terhadap calon atau parti politik.

Kajian Muhammad Saiful Haq Hussin sempena Pilihan Raya Kecil Manek Urai pada tahun 2009 menunjukkan bahasa sebagai medium dalam pengungkapan pemikiran telah berjaya memperlihatkan perkaitan yang erat dengan pemikiran seseorang. Kajian itu juga merumuskan

bahawa kesenian berbahasa diterjemahkan dalam bentuk ideologi untuk saling mempengaruhi antara satu sama lain. "Ternyata bahawa segalanya terjawab dalam keputusan pilihan raya kecil yang telah berlangsung pada 14 Julai 2009, sekali gus pilihan raya kecil ini membuktikan bahawa peranan bahasa dalam penyebaran kempen untuk mendapatkan undi bagi menentukan kemenangan kepada pihak yang bertanding dalam pilihan raya tersebut memainkan peranan yang sangat penting."

Dapatan kajian itu juga menunjukkan kesenian berbahasa yang membawa ciri pengolahan yang didominasi oleh eksposisi, yang merupakan pendedahan dan penerangan, argumentasi yang berpaksikan pada unsur-unsur persuasif atau pemujukan yang berupaya mengubah dan mempengaruhi pandangan, persepsi, kepercayaan pengundi, deskriptif dengan cara memberikan fakta atau idea secara pendedahan, penceritaan dan penerangan sehingga fakta tersebut jelas pada bayangan pengundi; narasi dengan cara menceritakan fakta-fakta. "Kesemua ciri ini memerlukan kebijaksanaan hujah dan fakta bagi meyakini pengundi agar pilihan raya dapat dijalankan dengan berkesan dan di sinilah terletaknya kesenian berbahasa dalam kempen pilihan raya," jelas kajian Saiful.

Kesopanan dan kesantunan bahasa oleh ahli politik di Malaysia bukan sahaja menjadi perhatian semasa pilihan raya, malah ketika musim bukan pilihan raya termasuk ketika persidangan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Pelbagai perkataan yang mengaibkan pihak lawan, mengaibkan individu lain dan yang bersifat seksis sering dilontarkan semasa persidangan. Keadaan itu secara langsung menggambarkan



kualiti perwatakan dan personaliti wakil rakyat. Di bawah Peraturan Mesyuarat Peraturan 23(1)(c), Dewan Rakyat menetapkan bahawa sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau keji, atau mengandungi kalimah mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati, atau mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara remeh. Peraturan 23(1)(i) pula menyebut, "sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan sifat atau kelakuan siapa-siapa, melainkan sifat dan kelakuannya untuk menjalankan urusan-urusan jawatannya atau urusan-urusan pekerjaan berkhidmat kepada negeri."

Ahli sains politik Noam Chomsky dalam bukunya, "Language and Politics" menyebut bahawa kata-kata dan ungkapan ibarat "mata wang kuasa dalam pilihan raya" manakala komunikasi dan penulisan pertuturan pula seperti "kunci untuk mempengaruhi pengundi". Dalam amalan demokrasi, sistem ini meminta masyarakat untuk mengikuti apa-apa yang dikatakan oleh ahli politik dalam ucapan kempen mereka.

Pada hari ini kata-kata sangat penting dalam politik. Penggunaan bahasa yang sesuai dan tepat dengan keperluan sesama oleh pemimpin akan membawa daya tarikan dalam kalangan pengikut. Tidak kira sama ada bidang politik ataupun bukan politik. Dunia menyaksikan puluhan pemimpin dalam kategori ini, termasuklah Sir Winston Churchill, Abraham Lincoln, Adolf Hitler, Mahatma Gandhi, John F. Kennedy, Nelson Mandela, Martin Luther King Jr, Soekarno, Abu Hamid al-Ghazzaly dan Bung Karno. Di Malaysia, kita mempunyai pemidato dalam kalangan ahli politik terkenal yang bijak menggunakan kata-kata dan bahasa dalam amalan politik seharian. Kelebihan ketepatan dalam bahasa politik mampu memikat dan menarik sokongan.

Keupayaan, kemahiran dan kewibawaan pemimpin politik juga sering dinilai dengan kebolehan mereka untuk menyampaikan ucapan, iaitu dari segi pemilihan kata, kepelbagaian nahu, istilah dan terma, serta kehalusan nada yang digunakan.



Setiap pengundi bertanggungjawab menunaikan hak mereka.

Mereka akan lebih dihormati jika memperlihatkan kesantunan dalam berpidato dan berupaya. Ahli politik sering menggunakan bahasa untuk memanipulasi pengundi sama ada secara tradisional ataupun bukan tradisional termasuk menerusi pelantar media dalam talian dan media sosial untuk mempengaruhi orang.

Pelantar dan kaedah berwacana akan terus berubah. Walau bagaimanapun, apa-apa yang penting ahli politik harus menggunakan bahasa dengan sopan, santun dan baik bagi memperkasakan kuasa dan kedudukan politik mereka. Bukan hanya secara retorik semata-mata.

Seperti strategi penjenamaan dalam komunikasi korporat, penggunaan bahasa yang betul, pada masa yang tepat dan kandungan yang relevan dengan audiens, akan membawa kelebihan. Oleh hal yang demikian, parti-parti politik sanggup membuat pelaburan yang besar daripada strategi kempen dan identiti calon atau parti. Pemimpin yang menguasai kekuatan ungkapan dan kata akan mencorakkan perubahan dan kekal di menara kuasa. Penggunaan bahasa yang betul dan sopan mampu menaikkan kuasa politik dan pada masa yang sama boleh menjatuhkan kuasa sekiranya tidak digunakan dengan harmoni. Perkara ini pun sudah terbukti di negara kita.

Carol Cohn, sarjana hubungan antarabangsa feminis, telah membangunkan istilah "bahasa

strategitekno" bagi menggambarkan penggunaan bahasa dalam politik antarabangsa untuk menggambarkan minda dan pemikiran pihak yang bertutur kata. Seperti yang disebutkan oleh Orwell, apa-apa yang seseorang individu fikir termasuklah apa-apa yang dibicarakan oleh mereka kepada orang lain, dan apa-apa yang dibicarakan oleh mereka kepada orang lain akan mempengaruhi pemikiran.

Bahasa dianggap kuat kerana dapat merangsang emosi dan mengubah pemikiran. Hal ini termasuklah bahasa yang digunakan oleh ahli politik. Aristotel mendefinisikan pendekatan memujuk dalam pengucapan awam dapat dibahagikan kepada tiga bukti artistik, iaitu meyakinkan yang lain dengan menggunakan akal logik, karektor kemanusiaan dan daya tarikan emosi. Dalam pada itu, Quintilian pula mengatakan bahawa pengucapan awam secara semula jadi sangat bermoral. Oleh itu kata beliau, pemidato termasuk ahli-ahli politik yang ideal merupakan "orang baik yang dapat berbicara dengan baik."

Sains dan teknologi dunia akan terus berubah. Sungguhpun begitu kualiti penggunaan bahasa dalam kalangan ahli politik akan kekal menjadi asas bagi melahirkan negara bangsa yang lestari. Jatuh bangun kuasa politik juga ditentukan oleh gaya tutur kata yang wajar merangkumi kesemua ciri dalam bahasa. **PB**